

30 OCT 2003

Mahathir-Jasa/I

SAYA TIDAK KISAH JIKA ORANG LUPAKAN SAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak kisah jika orang ramai melupakannya selepas beliau bersara daripada jawatan Perdana Menteri dan presiden Umno esok.

Memetik kata-kata daripada drama Shakespear "Julius Ceasar", Dr Mahathir berkata: "The evil that men do lives after them. The good is often interred with their bones." (kejahatan tidak mudah dilupakan walaupun selepas mereka mati dan yang baik tetapi dikenangi.)

Kata-kata beliau itu menerima tepukan gemuruh daripada anggota-anggota Umno termasuk timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di persidangan berita selepas buat kali terakhir beliau mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat Umno di sini, hari ini.

Dr Mahathir ditanya bagaimanakah perasaannya jika orang ramai melupakan beliau dan jasanya ekoran persaraan beliau esok selepas berkuasa selama 22 tahun.

Dr Mahathir menjawab: "Saya tidak bimbang mengenainya. Orang boleh lupakan saya... Saya tidak kisah jika orang ramai ingat saya atau tidak".

Beliau berkata, semasa beliau dilantik sebagai Perdana Menteri pada 1981, beliau mengarahkan gambarnya tidak digantung di mana-mana pejabat kerajaan atau sekolah.

"Mereka menghormati (arahan beliau) (tetapi) selepas itu mereka mengantung semula gambar saya," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa beliau memegang jawatan Menteri Pendidikan, yang pertama yang beliau lakukan ialah mengeluarkan arahan sekolah-sekolah tidak boleh mengambil nama beliau atau sesiapa yang masih hidup khususnya ahli politik dan Menteri Pendidikan, kecuali Sultan.

Ditanya mengenai rancangan parti-parti pembangkang untuk memfailkan laporan polis di seluruh negara terhadapnya selepas beliau berundur esok atas dakwaan "salah laku" dan "salah guna kuasa", Dr Mahathir berkata: "Jika saya telah melakukan jenayah mereka boleh bawa saya ke mahkamah."

Sementara itu Abdullah yang akan menggantikan Dr Mahathir semasa ditanya sama ada Umno akan mempertahankan Dr Mahathir jika parti-parti pembangkang meneruskan dengan langkah itu, beliau berkata: "Kita akan mempertahankannya oleh kerana beliau adalah pemimpin kita".

-- BERNAMA

HK MAM AZZ PR